

714 pelajar baharu mendaftar di UMS Labuan

UM 11-9-2013 26



PELAJAR yang hadir mendaftar diberi penerangan sebelum memasuki kolej kediaman masing-masing di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengajian akademik 2013/2014, baru-baru ini.

LABUAN 10 Sept. - Sebanyak 714 penuntut baharu termasuk 35 penuntut antarabangsa dari China mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengajian akademik 2013/2014.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 474 merupakan penuntut perempuan dan selebihnya pelajar lelaki dari seluruh negara.

Menurutnya, sebanyak 518 pelajar akan mengikuti pengajian di lima program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan 196 di dua program Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

“SPKAL menawarkan lima program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam. SSIL hanya mempunyai dua program iaitu Teknologi Multimedia dan E-Dagang.”

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ismail berkata, pelajar baharu berkenaan akan menginap di Kolej Kediaman Beta dan Alpha di dalam kampus manakala selebihnya di Kolej Kediaman Mutiara di Sungai Beaudan di sini.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan para pelajar kejayaan yang dicapai merupakan usaha mereka sendiri sehingga dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, universiti bukan sekadar tempat mencapai kecemerlangan akademik malah mencari kefahaman dalam pelbagai aspek yang lebih seimbang.

Sehubungan itu, Ismail berharap pelajar baharu dapat melanjutkan pelajaran ke UMSKAL dapat memanfaatkan masa yang ada sepegunya.

“Tuntutlah seberapa banyak ilmu yang ada, gunakanlah kekuatan dan kelebihan diri pelajar untuk menjadi pelajar yang kreatif dan inovatif,” ujarnya.